



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PERANAN BALAI SENI LUKIS PULAU PINANG DALAM
MEMPROMOSIKAN KARYA SENI TEMPATAN**

Nurfadilah Binti Jamalludin

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keupujian
(Pengurusan Seni)
2013**

**PERANAN BALAI SENI LUKIS PULAU PINANG DALAM
MEMPROMOSIKAN KARYA SENI TEMPATAN**

NURFADILAH BINTI JAMALLUDIN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2013

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

**JUDUL: PERANAN BALAI SENI LUKIS PULAU PINANG DALAM
MEMPROMOSIKAN KARYA SENI TEMPATAN**

SESI PENGAJIAN : 2010/2013

Saya NURFADILAH BINTI JAMALLUDIN

mengaku membenarkan tesis* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik,
Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis / Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis / laporan ini sebagai pertukaran bahan antara institusi pengajian tinggi
5. * sila tandakan

SULIT

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(Tandatangan Penulis)

(Tandatangan Penyelia)

Tarikh :
Alamat tetap:
GR 144 Kampung Matang Gelugor,
34750 Matang, Taiping, Perak.

Tarikh :

Catatan: * Tesis / Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda
* Jika Tesis / Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis / laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk **Peranan Balai Seni Lukis Pulau Pinang dalam Mempromosikan Karya Seni Tempatan** telah disediakan oleh **Nurfadilah Binti Jamalludin** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Karen Samy)

Tarikh:

Penghargaan

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya saya berjaya menyiapkan Projek Tahun Akhir bagi Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian Pengurusan Seni. Diberikan-Nya kesihatan yang baik sepanjang pembelajaran di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan kajian ini dilakukan.

Jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya iaitu Encik Jamalludin Bin Che Mat dan Puan Asma Binti Abu Bakar serta keluarga yang sentiasa memberi sokongan fizikal dan mental untuk saya berusaha dalam pelajaran dan menyiapkan kajian ini. Semoga segala pengorbanan yang diberikan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.

Sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia, Cik Karen Samy yang telah banyak memberi tunjuk ajar, pandangan, dan idea selama pembelajaran saya di UNIMAS sehingga kajian ini berjaya disiapkan dan terpilih dalam kolokium Cetusan Inspirasi Pelajar Tahun Akhir (CIPTA) 2013 UNIMAS. Juga terima kasih diucapkan kepada tenaga pengajar khususnya pensyarah di Jabatan Seni Liberal yang tidak jemu memberi didikan.

Terima kasih diucapkan juga kepada pihak Balai Seni Lukis Pulau Pinang, para informan, dan responden yang membantu semasa kajian ini dilakukan. Segala jasa baik dan kerjasama yang diberikan amat saya hargai.

Akhir sekali, tidak dilupakan juga penghargaan kepada para sahabat seperjuangan yang memberi galakan, sokongan sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan. Sekian, sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat.

Jadual Kandungan

Perkara	Halaman
Penghargaan	iii
Jadual Kandungan	iv
Abstrak	vi
Bab 1 Pengenalan	
1.0 Pendahuluan	1
1.1. Latar Belakang	2
1.2. Definisi	
1.2.1 Definisi Balai Seni Lukis	5
1.2.2 Definisi Promosi	8
1.2.3 Definisi Seni	9
1.3 Permasalahan Kajian	11
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Skop Kajian	16
1.6 Lokasi Kajian	16
1.7 Kepentingan Kajian	17
1.8 Rumusan	18
Bab 2 Sorotan Kesusasteraan	
2.0 Pendahuluan	19
2.1 Pengertian dan Fungsi Seni	20
2.2 Peranan Galeri	23
2.3 Pameran Interaktif	26
2.4 Promosi Dalam Seni	31
2.5 Rumusan	33

Bab 3 Metodologi Kajian

3.0 Pendahuluan	34
3.1 Kaedah Penyelidikan	35
3.2 Sumber Data	38
3.3 Populasi	39
3.4 Persampelan	39
3.5 Instrumen Kajian	40
3.6 Limitasi Kajian	41
3.7 Rumusan	43

Bab 4 Analisa Dapatan Kajian

4.0 Pendahuluan	44
4.1 Profil Informan	45
4.2 Usaha dan Cara Promosi Balai Seni Lukis Pulau Pinang	48
4.3 Peranan Balai Seni Lukis Pulau Pinang sebagai Pendukung Karya Seni Tempatan	58
4.4 Analisa Maklum Balas Pengunjung Balai Seni Lukis Pulau Pinang	65
4.5 Penemuan	87
4.6 Rumusan	89

Bab 5 Kesimpulan dan Cadangan

5.0 Pendahuluan	90
5.1 Kesimpulan	91
5.2 Cadangan	92
5.3 Cadangan Pengkaji Masa Hadapan	94
5.4 Rumusan	95

Rujukan	96
----------------	----

Lampiran

Lampiran A: Borang Soal Selidik dan Soalan Temubual	98
Lampiran B: Borang Pameran Balai Seni Lukis Pulau Pinang	106

Abstrak

Balai Seni Lukis Pulau Pinang sebagai *intermediary* dilihat turut mempengaruhi perkembangan seni tahah air. Demikian, kajian terhadap strategi promosi di balai seni dijalankan untuk mengkaji peranannya terhadap artis dan masyarakat dalam usaha mempromosikan karya, dan pandangan pengunjung terhadap pameran karya seni di galeri. Kaedah menemubual staf, pengkarya dan soal selidik terhadap pengunjung telah digunakan. Hasil kajian mendapati bahawa aspek promosi (komunikasi) berkesan melalui pemilihan karya, aktiviti, penggunaan gaya pameran yang interaktif serta peranan terhadap artis dan pengunjung penting dalam meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan seni dan mendukung perkembangan seni tempatan.

Abstract

The Penang Art Gallery is regarded as an intermediary that influences the development of the country's art. Thus, the study of promotional strategies by the art gallery is done to investigate the role of artists and the community in an effort to promote the exhibited works, besides obtaining the viewpoints of visitors to the exhibition. The researcher interviewed staff, artists and distributed questionnaires to visitors. Research results suggested that the promotional aspects (communication) can be effectively through artwork, activities, use of interactive exhibitions, and the role of artists and visitors are important in raising awareness of the importance of art and foster the development of local arts.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji peranan Balai Seni Lukis Pulau Pinang (BSLPP) dalam mempromosikan karya seni tempatan. Ia menyentuh tentang peranan BSLPP sebagai institusi seni dalam mendidik masyarakat untuk mencintai dan menghargai seni dengan lebih berkesan.

Bab ini akan menjelaskan tentang latar belakang kajian, definisi, permasalahan kajian, objektif, skop kajian, lokasi kajian dan kepentingan kajian ini. Penerangan ini diharapkan pembaca dapat memahami hala tuju kajian.

1.1 Latar Belakang

Balai Seni Lukis Pulau Pinang (BSLPP) bertindak sebagai ‘*intermediary*’ atau orang tengah di dalam proses memangkin dan mempromosikan hasil karya seni tempatan kepada masyarakat. Pernyataan ini dibuat kerana BSLPP dilihat menjadi tempat dan penghubung antara artis tempatan dengan masyarakat dalam mempamerkan karya-karya seni mereka. Hal ini juga berkaitan dengan sejarah BSLPP yang telah lama mempamerkan pelbagai hasil karya seni tempatan sejak penubuhannya pada tahun 1964 sehingga sekarang. Ianya jelas menunjukkan bahawa BSLPP merupakan orang tengah dan tempat yang betul bagi pengkarya-pengkarya seni tempatan dalam mempamerkan hasil karya mereka kepada masyarakat untuk dilihat.

Kedudukan BSLPP terletak di Dewan Sri Pinang, 10200 Lebu Light Pulau Pinang dibawah pentadbiran Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri (*Penang State Museum & Art Gallery*). Balai Seni Lukis Pulau Pinang ini dahulunya beroperasi di Bangunan Muzium Negeri iaitu di Jalan Lebu Farquhar. Muzium Negeri Pulau Pinang yang terletak di Lebu Farquhar dan merupakan bangunan yang pertama berada di bawah pentadbiran Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang. Kronologinya bermula pada tahun 1816 di mana sebuah bangunan telah di bina hasil dermaan daripada Syarikat Hindia Timur, dibawah kelolaan Kapten Robert Smith (jurutera Diraja) untuk dijadikan sebuah pusat pendidikan pada tahun 1812. Bangunan tersebut menempatkan Sekolah *Penang Free* yang ditubuhkan pada 1816 dan pelajarnya ialah anak-anak Pulau Pinang.

Kemudian sekitar Januari 1928, bangunan tersebut menjadi Sekolah Hutching pula. Ketika Perang Dunia Kedua, bangunan asal di sebelah timurnya dahulu telah dibom oleh bedilan musuh dan Pihak Berikat. Kesannya, separuh bangunan itu rosak teruk di bahagian timur. Pada tahun 1916, bangunan tersebut hampir dirobohkan kerana kerajaan negeri bercadang untuk membina sekolah baru. Sebaliknya, rancangan tersebut dibatalkan kerana menerima cadangan Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj untuk menjadikan bangunan itu sebagai muzium dan balai seni lukis. Sehubungan itu, Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang telah ditubuhkan pada tahun 1964 dan dibuka dengan rasminya oleh Gabenor Pulau Pinang pertama iaitu Yang Amat Mulia Tun Raja Uda Al-Haj Bin Raja Muhamad pada 14 April 1965. Sejak itu, bangunan bersejarah ini telah beroperasi sebagai pejabat pentadbiran muzium dan balai seni lukis.

Namun pada tahun 1994, kedudukan dan koleksi bagi Balai Seni Lukis Pulau Pinang telah dipindah ke bangunan yang lebih besar iaitu di Dewan Sri Pinang, tidak jauh daripada bangunan muzium lama bagi menggiatkan lagi aktiviti seni negeri. Galeri ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Galeri Tetap dan Galeri Kontemporari, bagi Galeri Tetap pelbagai koleksi karya seni seperti catan, arca, fotografi, seramik dan pelbagai media lain dipamerkan. Manakala Galeri Kontemporari pula mempamerkan hasil karya seni visual mengikut tema-tema tertentu seperti yang dimuatkan dalam kalendar aktiviti tahunan. Terdapat pelbagai aktiviti seni giat dijalankan di galeri ini seperti forum, bicara seni, bengkel-bengkel lukisan, pertandingan lukisan dan sebagainya. Galeri ini beroperasi pada setiap hari pada pukul 9.00 pagi sehingga 5.00 petang kecuali pada hari cuti umum.

BSLPP merupakan platform bagi pengkarya seni lukis tempatan untuk mempamerkan karya mereka kepada umum. Terdapat pelbagai hasil lukisan dipamerkan tidak kira daripada pelukis veteran ataupun pelukis muda. Lukisan Retrospektif misalnya menjadi salah satu tema yang sering ditampilkan di BSLPP bagi memartabatkan hasil karya tempatan. Balai Seni Lukis Pulau Pinang menjadikan lukisan retrospektif sebagai subjek utama pameran kerana kebanyakan lukisan retrospektif dihasilkan oleh pelukis tempatan sama ada artis solo atau persatuan yang telah lama bergiat dalam seni. Lukisan retrospektif dipamerkan bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan menghargai sumbangan para artis di Pulau Pinang, dan turut dijadikan koleksi tetap oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak pameran tersebut diadakan setiap tahun bermula dari tahun 2006. Pameran retrospektif ini juga bertujuan untuk menghargai artis-artis yang telah lama bekerjasama dengan BSLPP dalam mempamerkan karya-karya seni sejak penubuhannya.

Walaupun bagaimanapun, BSLPP juga mempamerkan karya-karya lain terutamanya daripada artis baru yang lebih bersifat kontemporari. BSLPP juga telah mengadakan pelbagai aktiviti dan pameran sepanjang tahun, misalnya pada tahun 2012 bulan Januari, satu Pameran Solo oleh Eston Tan iaitu seorang pelukis tempatan yang mempersembahkan hasil seni bertemakan alam semula jadi. Tidak kurang daripada itu, pada bulan Februari dan Mac, sebuah Pameran Koleksi Tetap Seni Halus daripada Muzium & Galeri Tuanku Fauziah Universiti Sains Malaysia (MGTF) dipersembahkan sepanjang dua bulan. BSLPP bukan sahaja bergiat aktif dalam mempamerkan hasil karya tempatan, namun turut bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi awam dalam mempamerkan karya seni pelajar-pelajar universiti tempatan.

Selain menjadi tempat pameran, BSLPP juga mengadakan pertandingan bagi mencungkil bakat seni tempatan dan mencari hasil karya yang bermutu. Salah satu pertandingan yang dianjurkan adalah Pertandingan Pesta Seni Terbuka Pulau Pinang (*Penang Pesta Open Art Competition*) pada 3 hingga 28 Disember 2012. Tidak ketinggalan juga aktiviti yang dianjurkan untuk melibatkan golongan remaja dalam kegiatan seni turut dilakukan iaitu *urban art competition* yang disertai oleh remaja sekolah sekitar Georgetown. Demikian itu, BSLPP dilihat mampu membawa satu inovasi yang baru dalam memartabatkan karya seni tempatan ke peringkat yang lebih tinggi.


1.2 Definisi

1.2.1 Definisi Balai Seni Lukis (*Art Gallery*)

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2009) Dewan Bahasa dan Pustaka, galeri bermaksud sesebuah bangunan atau bilik tempat mempamerkan hasil karya seni dan sebagainya. Menurut definisi ini Balai Seni Lukis Pulau Pinang adalah merupakan sebuah galeri yang mencukupi ruangan sebagai pameran dengan memenuhinya bersama hasil-hasil karya seni pelukis tempatan. BSLPP terus mempamerkan hasil-hasil seni lukisan kepada umum serta menjalankan pelbagai aktiviti dalam menarik minat masyarakat terhadap seni.

Rachel (2006) mendefinisikan galeri sebagai tempat yang membantu mempraktikkan seni dan idea dalam konteks yang luas oleh para artis. Ia juga salah satu

institusi budaya yang berkait rapat dengan apa yang terkandung oleh seni dan pengalaman pelihat (*viewer's experience*) tentangnya. Galeri memberi makna yang luas dalam konteks kehidupan seharian seperti dalam rajah di bawah:



Rajah 1.2.1 : Peranan dan maksud galeri.

Rajah 1.2.1 tersebut adalah sumber dari *The Art Gallery Handbook*, ia menunjukkan peranan galeri yang pelbagai dan tidak hanya tertumpu untuk membuat pameran sahaja. Galeri menjadi penghubung antara artis, karya dengan masyarakat, sumber pembelajaran, model dalam pemasaran seni yang berjaya, sebagai tempat memelihara seni untuk tatapan generasi akan datang, sebagai tempat usaha untuk seni, artis dan sebagainya.

Kesimpulannya, definisi galeri memberi banyak pengertian dan berperanan dalam pelbagai perkara penting dalam memartabatkan seni secara langsung atau tidak langsung. Dalam pengertian ini juga, peranan BSLPP sebagai galeri begitu meluas, ia turut memainkan peranan yang penting kepada masyarakat dalam memberi maklumat tentang seni, sebagai salah satu tempat untuk berkomunikasi, tempat pengumpulan karya-karya seni dan sebagainya.

1.2.2 Definisi Promosi

Dommermuth (1989) mendefinisikan promosi sebagai salah satu bentuk komunikasi yang bertujuan untuk memujuk orang-orang tertentu dengan menerima idea-idea tertentu, konsep atau produk yang memerlukan satu strategi tentang cara yang terbaik untuk berkomunikasi dengan bakal pelanggan dan meyakinkan mereka untuk membeli produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Selain itu beliau menjelaskan juga mengenai promosi adalah satu program yang terkawal dan bersepadu yang bertujuan untuk memperkenalkan organisasi, produk atau perkhidmatan kepada pelanggan atau kumpulan sasaran yang berpotensi untuk memenuhi kehendak dan keperluan mereka dan memberi pulangan sama ada jangka pendek atau panjang.

Menurut definisi ini, Balai Seni Lukis Pulau Pinang mempromosikan produk seni iaitu hasil karya artis tempatan kepada masyarakat. Ia merupakan salah satu bentuk komunikasi di mana bertujuan untuk menarik pengunjung datang ke balai seni sepanjang pameran berlangsung. BSLPP menggunakan produk seni mereka iaitu lukisan pelukis dan karya lain untuk dipamerkan dalam sesuatu tempoh sesuai dengan tempoh promosi yang dijalankan. BSLPP tidak mementingkan keuntungan kerana merupakan sebuah organisasi kerajaan yang berbentuk perkhidmatan, tetapi membantu dalam memartabatkan karya seni dan mempromosikan nama-nama pengkarya tempatan.

Dalam aspek ini, BSLPP bertindak dalam mempromosikan karya seni tempatan kepada masyarakat dan ianya bukanlah bertujuan untuk mencapai target jualan bahan

pameran, tetapi mempromosikan karya seni dalam meningkatkan apresiasi pengunjung yang datang ke galeri. Karya seni bukan sahaja sebagai produk yang perlu dipromosikan tetapi ia merupakan salah satu bentuk komunikasi, penceritaan, emosi dan pengalaman yang diperoleh oleh pengkarya untuk pemerhati atau penggemar seni dalam memberi manfaat kepada mereka.

1.2.3 Definisi Seni

Menurut *The Oxford Dictionary of Art*, (2004), seni bermaksud ‘...*creative activity including painting, sculpture, music, literature and dance*’. Selain itu, menurut Ahmad Rashidi Bin Hassan dalam buku *Sejarah Seni Lukis*.,

“...seni merupakan satu bidang yang luas yang melibatkan pelbagai bidang kehidupan. Dalam bidang tampak, kegiatan seni merangkumi antaranya lukisan, fotografi, cetakan dan catan. Dalam bidang binaan pula, kegiatan seni merangkumi seni bina arca, manakala dalam bidang kraftangan, kegiatan seni itu melibatkan pelbagai jenis dan bentuk kraf seperti seramik, tekstil, anyaman dan sebagainya. Bidang seni persembahan pula merangkumi kegiatan seperti drama, teater, muzik dan tarian”.

Di Balai Seni Lukis Pulau Pinang, seni catan banyak dipamerkan dan hasil catan dibuat oleh artis-artis tempatan yang diberi peluang oleh BSLPP untuk mempamerkan hasil kerja seni mereka di sana.

Wartenberg (2002), seni merupakan komunikasi emosi antara pereka (pengkarya) dengan audien (penonton). Sebarang objek seni seperti lukisan, puisi, simfoni dan

sebagainya akan gagal menjadi sesuatu karya seni jika ianya gagal untuk mencapai sebarang bentuk komunikasi. Ia juga mempunyai satu kecenderungan (*tendency*) untuk difikirkan mengenai objek-objek seni dalam bentuk abstrak daripada pelbagai sudut seperti satu kecenderungan (*tendency*) tipikal kebanyakan analitik filosofi dan pameran. Dalam pameran, aspek gambaran atau apa yang di lihat di ruang pameran turut melibatkan artis sebagai audien (penonton) yang mempunyai pengalaman, perkumpulan bentuk didikan seni dan penilaian seni sebagai seluruh mod latihan artistik yang diterjemahkan dalam bentuk lukisan dan objek seni lain.

Pemahaman ini menjelaskan bahawa objek seni yang dipamerkan itu sendiri mampu berkomunikasi dengan audien dalam memberi pemahaman tentang sesuatu. Melalui pameran lukisan misalnya, ia dapat berkomunikasi dengan audien mengenai rasa, nilai estetika dan pengajaran dalam sesuatu karya. Disebabkan itu, pemahaman mengenai makna seni itu sendiri pelbagai dan bergantung kepada individu. Dalam aspek lukisan, penggemar-penggemar seni lebih mudah memahami maksud yang cuba disampaikan oleh pelukis, dan bagi golongan tidak berlatarkan seni mungkin ia di lihat sebagai hasil seni yang indah dan mempunyai nilai estetika tersendiri yang cuba diekpresikan oleh pelukis.

1.3 Permasalahan Kajian

Hasil karya seni artis tempatan dilihat salah satu produk seni yang dapat dimajukan di Malaysia. Hal ini kerana, pengkarya-pengkarya tempatan kini berkarya dengan bebas serta menjadikan seni sebagai salah satu cara mengekspresikan perasaan, emosi, daya fikiran, pengalaman, mendidik dan sebagainya. Ia menjadi satu kerugian jika hasil-hasil karya seni ini dibiarkan tanpa sebarang inisiatif dalam mendekati masyarakat dengan karya agar masyarakat lebih memahami, menghargai dan mengapresiasi seni dalam kehidupan.

Aspek ini berkait rapat dengan peranan sebenar yang harus dimainkan oleh badan-badan kesenian seperti galeri misalnya dalam menjadi pendukung terhadap karya seni di negara ini. Dalam kajian ini pengkaji menjalankan kajian di Balai Seni Lukis Pulau Pinang (BSLPP) kerana melihat galeri ini sentiasa mengadakan pameran setiap bulan sepanjang tahun. Kegiatan aktiviti seni yang aktif di galeri ini menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pelukis-pelukis tempatan menerusi pertandingan, bengkel kesenian, pameran lukisan serta aktiviti-aktiviti lain. BSLPP bertindak sebagai platform untuk para artis tempatan menonjolkan hasil karya mereka kepada masyarakat. Namun, mengapa kesedaran terhadap kepentingan seni masih kurang oleh para pengunjung dan masyarakat setempat? Perkara ini diperhatikan sendiri oleh pengkaji apabila menjalankan latihan industri di BSLPP pada tahun 2012 dengan mendekati para staf dan artis serta memerhati reaksi pengunjung ketika pameran. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah aspek promosi seni yang dilakukan tertumpu kepada hebahan untuk memberitahu orang ramai mengenai pameran, dan

bukan mempromosikan karya kepada pengunjung dengan lebih dekat dalam konteks menghubungkan seni dengan pemerhatinya.

BSLPP dilihat tidak menghadapi masalah dalam mendapatkan bekalan produk pameran kerana didapati terdapat banyak artis dan persatuan yang bergiat aktif dalam menghasilkan karya seni. Ia cuma mengenai bagaimana pihak BSLPP memainkan peranan sebagai pendukung karya seni tempatan serta usahanya dalam mempromosikan karya tersebut kepada masyarakat dengan cara yang lebih efektif. Ia juga disebabkan faktor peranan yang dimainkan oleh BSLPP sebagai *intermediary* terhadap artis, masyarakat dan (*stakeholders*) untuk mendukung karya seni tempatan yang tidak menyeluruh. Justeru itu, menjadi satu isu dalam kajian ini mengenai bagaimana pihak BSLPP menggunakan pendekatan yang berkesan untuk menonjolkan hasil karya tempatan yang berkualiti kepada masyarakat.

Selain itu, kriteria-kriteria pemilihan karya seni dalam sesebuah pameran dilihat sama pentingnya dalam memastikan kualiti pameran berada pada tahap yang baik. Jika penanda aras ini tidak dilakukan, dikhuatiri hasil karya lukisan yang dipamerkan tidak memberi sebarang manfaat dan hanya dilihat sebagai salah satu hiasan pada ruang dinding pameran di dalam galeri. Oleh hal yang demikian, menjadi suatu aspek yang harus dilihat tentang bagaimana pihak BSLPP menetapkan kriteria-kriteria yang difikirkan baik dalam memilih karya seni yang berkualiti untuk dipamerkan kepada masyarakat. Hal ini menjadi aspek yang penting kerana melalui seni juga, ianya dapat mendidik masyarakat mengenai estetika kesenian dan lebih menghargai karya seni.

BSLPP juga bertanggungjawab dalam memberi pendidikan kesenian kepada masyarakat melalui pameran yang ditonjolkan. Perkara ini begitu subjektif untuk dirungkaikan kerana cara ini bergantung kepada persepsi masyarakat tentang bagaimana mereka menerima sesuatu karya seni sebagai satu perkara yang mendatangkan manfaat kepada diri. Adams (2010) menyatakan bahawa:

'Art is as simple as it is difficult to define. For those who belong to the "I know what I like" school, art, like beauty, is in the eye of the beholder. For others, art is any object or an image not explicitly identified as such, but which strikes the observer as expressive or aesthetically pleasing'.

Hal ini jelas menyatakan bahawa penerimaan dan tanggapan terhadap seni bergantung kepada individu untuk menilai dan menerimanya. Jika ia hanya dilihat sebagai satu bentuk ekspresi dan nilai estetika, hasil karya seni tersebut akan kekal sebagai alatan pameran. Namun jika dilihat daripada sudut lain, karya seni mampu mendidik masyarakat untuk belajar sesuatu perkara yang baik yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Aristotle seorang falsafah seni menyatakan:


'...art can be a good route to knowledge. He believed that we are delighted by a good imitation because we can learn from it, and that this makes us delight in learning itself...'

Melalui pemahaman ini, seni juga salah satu cara yang berkesan untuk mendidik masyarakat kerana mereka dapat belajar melalui apa yang dilihat. Begitulah peranan yang harus dimainkan oleh BSLPP dalam mendidik masyarakat melalui pameran dan aktiviti seni yang dijalankan di galeri. Ia menyentuh bagaimana pihak BSLPP menggunakan pendekatannya dalam mendidik masyarakat untuk mencintai hasil karya

seni dan secara tidak langsung menghargai karya-karya seni tempatan khususnya di Pulau Pinang dan Malaysia secara amnya.

Dalam melaksanakan sesebuah pameran kesenian pula, aspek penonton menjadi hal yang penting bagi memastikan bahawa sesuatu pameran itu berjaya. Ia menjadi cabaran dalam mengambil langkah yang efektif untuk menarik minat masyarakat mengunjungi pameran yang diadakan. Konteks kandungan pameran dan aspek promosi yang digunakan juga memainkan peranan penting dalam menarik minat pengunjung ke sesebuah pameran. Elemen ini dilihat perlu difikirkan oleh BSLPP dalam menarik minat lebih ramai pengunjung ke galeri pameran agar objektif memartabatkan karya seni tempatan tercapai.

Berdasarkan perbincangan di atas, dan mengikut pengetahuan pengkaji, tiada kajian tentang peranan BSLPP dalam mempromosikan karya seni tempatan dijalankan. Oleh yang demikian, adalah wajar untuk kajian ini di buat dan teori Kolb (2005) menjadi panduan dalam kajian ini mengenai peranan dan promosi dalam organisasi kesenian di mana peranan organisasi seni terhadap karya, artis dan audien sangat penting bagi memastikan konsep promosi seni berjaya. Oleh itu pengkaji telah mengadaptasikan teori ini dalam bentuk rajah tersebut:



Adaptasi dari teori Kolb, B.M. (2005) *Marketing for Cultural Organizations*

Rajah ini menjelaskan perkaitan antara tiga aspek iaitu organisasi, produk seni dan audien dalam konteks pemasaran seni. Promosi produk seni berbeza dengan promosi lain kerana produk seni bukan semata-mata untuk mencapai target jualan tetapi lebih daripada jangkauan itu yang saling bersangkutan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa objektif yang membantu dalam menyelesaikan permasalahan kajian. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- I. Mengenalpasti usaha-usaha dan cara promosi yang dilakukan oleh Balai Seni Lukis Pulau Pinang dalam menonjolkan hasil karya seni tempatan.
- II. Mengkaji peranan Balai Seni Lukis Pulau Pinang sebagai pendukung karya seni tempatan.
- III. Menganalisa maklumbalas daripada pengunjung yang mengunjungi Balai Seni Lukis Pulau Pinang.